

K-ekonomi penentu masa depan negara

BH 19 NOV 2000

Oleh WAN JAILANI ABDUL RAZAK dan SAIDON IDRIS

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perubahan dalam ekonomi dan pembangunan teknologi yang bakal mewujudkan ekonomi baru berasaskan pengetahuan akan mengubah cara bagaimana negara membangun perlu mengendalikan pertumbuhan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, masa depan sebuah negara akan menjadi semakin bergantung kepada kapasiti untuk memperoleh, menyalur dan menggunakan pengetahuan bagi kehidupan seharian, selain memenuhi standard antarabangsa, berbanding sebelumnya.

"Negara perlu menghadapi cabaran lebih besar dari segi ketangkasan, rangkaian kerja dan pembelajaran dan untuk mengatur pengeluaran untuk mencapai kualiti, produktiviti dan fleksibiliti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusanannya di buku cenderamata program yang diedarkan semalam sempena Global2000-Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang berlangsung di sini, selama empat hari, bermula hari ini.

Seramai 350 peserta termasuk 12 ketua kerajaan, wakil ketua kerajaan, ketua jabatan, ketua organisasi media dan ahli perniagaan dari 20 negara dijangka menghadiri LID kali kelima ini.

Dr Mahathir yang juga Penaung dan Penasihat LID berkata, isu mengenai globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan semakin banyak dibincangkan dan diperdebatkan sekarang.

Dunia kini, katanya, berdepan peralihan penting dalam persekitaran ekonomi yang dicorakkan oleh tiga perkembangan utama iaitu perubahan paten perdagangan dan persaingan, inovasi teknologi dan pengetahuan globalisasi.

"Perkembangan berterusan dunia tanpa sempadan dan ekonomi berasaskan pengetahuan dipermudahkan oleh perkembangan baru yang radikal dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) khususnya yang dibawa menerusi



Internet," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan globalisasi bukan saja menghasilkan peluang tetapi juga mengundang risiko dan ketidakpastian berdasarkan pengalaman ketika negara dilanda krisis ekonomi.

Menurutnya, penggunaan ICT meningkatkan lagi ketidakpastian dalam pasaran kewangan domestik terhadap keluar masuk besar-besaran dana dan pengalaman itu jelas menunjukkan kesan negatif globalisasi kepada sebuah negara yang mana kosnya jauh lebih tinggi daripada manfaat yang diperoleh.

"Saya berharap siri dialog perkongsian pintar yang diadakan sejak 1995 akan diteruskan untuk mengumpulkan pemimpin kerajaan dan perniagaan, ahli akademik dan media serta kesatuan sekerja bekerjasama untuk mencari jalan penyelesaian untuk mentadbir negara, syarikat dan kumpulan, selain memperkukuhkan ekonomi kepada bentuk asal untuk menghadapi krisis pada masa depan.

"Dialog ini perlu untuk membolehkan semua mencari idea baru dan agenda untuk menangani cabaran globalisasi. Saya juga berharap falsafah, kepercayaan dan amalan perkongsian pintar akan terus berkembang melangkaui dialog ini," katanya.

Beliau seterusnya menyifatkan pusingan pertama Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Maputo, Mozambique, Ogos lalu, sebagai berjaya menangani isu penting sejagat dan kesannya ke atas ekonomi baru muncul.